

PERANAN BAHASA DAN KOMUNITI BAHASA MELAYU DI SINGAPURA DALAM MEMBINA PERADABAN BARU

oleh

Prof. Madya Kamsiah Abdullah (Singapura)

Pengenalan

Perkataan 'peradaban', 'tamadun' atau 'civilization' itu merangsang pemikiran-pemikiran luas yang berkaitan dengan kemajuan kebudayaan yang dicapai insani (dalam kebendaan, teknologi dan rohani) dan falsafah bahasa yang menunjang kemajuan, kebudayaan atau pencapaian tersebut. Dalam sejarah tamadun dunia yang telah wujud beribu-ribu tahun dahulu seperti Tamadun Incas, Mesopotamia, Mesir Tua, Roman, India, China dan Islam, bahasa merupakan alat penting yang mencirikan dan mendorong kemajuan sesuatu peradaban itu. Rumpun-rumpun bahasa dikenal pasti melalui bahasa dan budaya, iaitu segala bentuk unsur dan sistem yang mengatur kehidupan manusia (dalam kelompok bangsa-bangsa dan kaum-kaum) dalam berinteraksi dan dalam pelbagai kegiatan kehidupan.

Untuk membuat satu penelitian tentang konsep peradaban ini memerlukan satu pandangan analitik dan sintesis yang menyeluruh tentang perkara yang amat luas. Apabila memperkatakan 'peradaban baru' pula, premisnya adalah sudah ada atau akan muncul satu bentuk *peradaban dunia yang baru* dan lanjutan persoalannya, apakah peranan bahasa Melayu dalam bentuk peradaban baru tersebut?

Peradaban Dunia yang Baru

Jika peradaban dunia ditentukan oleh teknologi, maka peradaban dunia pada masa akan datang tentunya berlandaskan teknologi IT atau INFOKOM - 'Teknologi Informasi' dan 'Teknologi Informasi dan Komunikasi'. Proses

globalisasi yang menjadikan dunia semakin terbuka dan garis sempadan antara negara menjadi lebih `kecil', telah pun bermula, dan dalam proses ini, penggunaan teknologi tersebut seperti Internet akan menjadi suatu alat atau enjin revolusi sosial. Seterusnya, bagaimanakah bentuk bahasa dan bahasa apakah yang akan digunakan dalam era global ini yang hanya dapat diramalkan sahaja. Namun daripada gejala-gejala yang ada dapat diandaikan secara lebih pasti adalah hakikat bahawa bahasa yang menguasai media atau saluran komunikasi massa dan maklumat itulah yang akan `menguasai' atau sekurang-kurangnya mengawal bentuk dan rentak perubahan sosial menuju ke peradaban baru tersebut.

Persoalan Inti

Dalam konteks pembinaan peradaban dunia yang sejagat inilah peranan bahasa dan komuniti bahasa Melayu di Republik Singapura yang hanya merupakan kaum minoriti di negaranya sendiri itu akan diteliti. Seyogianya maklum bahawa Singapura merupakan sebuah negara kecil kosmopolitan yang terletak di tengah-tengah samudera negara-negara Asia Tenggara yang berbahasa Melayu dan beragama Islam. Secara logik, dalam keadaan situasi dunia yang lazim, negara Singapura tidak berkemungkinan mengubah corak dan rentak perkembangan dunia atau peradaban dunia. Jika majoriti rakyat Singapura berbangsa dan berbahasa Melayu sekalipun, keadaan fizikal geografinya yang kecil serta bilangan penduduk yang hanya 4 juta ini tidak akan dapat melawan arus perdana yang melebihi 200 juta warga rumpun Melayu di sekelilingnya, iaitu negara Indonesia dan Malaysia. Apalagi jika kaum Melayu yang berbahasa Melayu hanya merupakan 14 peratus daripada penduduk Singapura.¹

¹ Peratusan ini mungkin dikekalkan buat masa-masa mendatang, dan akan diimbangi dengan penghijrahan pekerja asing dan mereka yang akan menjadi ~ , warga negara Singapura kelak.

Namun ada beberapa faktor yang memungkinkan suara negara-negara kecil didengar dan dengan itu membolehkannya berada dalam keadaan yang `boleh mengubah arus' hala tuju perubahan.

Pentas dunia telah berubah dengan perkembangan INFOKOM dan penyebaran maklumat dan komunikasi yang begitu pantas boleh menjadi landasan bagi Singapura, negara kedua termaju di Asia setelah Jepun, yang telah pun mempunyai prasarana atau keupayaan IT yang canggih, bagi menyumbang, kalau tidak pun dalam mempengaruhi pentas dunia yang global itu.

Dalam konteks yang telah disebutkan tadi, maka peranan bahasa dan masyarakat bahasa yang menggunakan bahasa Melayu itu akan diteliti. Pendekatan ini diambil kerana peranan bahasa tidak dapat diteliti secara terpisah daripada faktor-faktor sosioekonomi, politik, dan budaya yang mempengaruhi cara atau corak penggunaan bahasa dalam sesuatu komuniti penuturnya. Seterusnya, keadaan sosiolinguistik bahasa dan komuniti bahasa Melayu akan dipengaruhi oleh faktor-faktor geografi, sejarah, keadaan sosiobudaya berbilang kaum dan dasar-dasar pemerintah dalam menangani isu-isu tersebut.

Bahasa sebagai satu kod dan komuniti bahasa yang menggunakan kod tersebut dalam berbagai-bagai domain dan fungsi secara kelompok atau individu, adalah dua konsep yang berbeza. Dalam kertas kerja ini, pada tahap awalnya faktor-faktor dan konteks yang berperanan dalam mengubah dan mewujudkan situasi bahasa Melayu di Singapura sebagai satu kod akan dikaji kemudian, baru dibincangkan peranan dan implikasi komuniti bahasa Melayu dalam konteks sosiobudaya dalam rangka keupayaannya menjana pembinaan suatu bentuk budaya atau yang lebih luas, iaitu suatu peradaban baru.

Dengan itu, perbincangan akan dialihkan kepada profil sosiolinguistik mutakhir bahasa di Singapura dengan memberikan perhatian utama kepada sejarah dan fungsi bahasa Melayu dalam konteks masyarakat majmuk, termasuklah fungsi bahasa secara peribadi.

Bahasa Melayu dalam Profil Sosiolinguistik Singapura

Bahasa Melayu telah pun berfungsi sebagai bahasa utama dan bahasa perantaraan di seluruh Nusantara terutamanya di pesisir kepulauan yang luas ini dan telah diangkat menjadi bahasa Kebangsaan pada tahun 1959 apabila Singapura mendapat taraf berkerajaan sendiri daripada pihak British. Bersama-sama dengan tiga bahasa lain, iaitu Mandarin, Tamil dan Inggeris, bahasa Melayu telah digunakan dalam kegiatan dan acara rasmi pemerintah. Bahasa Melayu ialah bahasa yang luas penggunaannya di kalangan kaum dan bahasa yang diharapkan dapat mempersatukan rakyat ke arah kemerdekaan dalam Malaysia. Ketika itu dapat diperhatikan bahawa dasar empat bahasa rasmi ini dituruti dengan taat dalam hampir semua diayah risalah dan pengumuman kempen-kempen kerajaan. Contohnya ialah Kempen Berhenti pada Dua orang anak: sama ada lelaki atau perempuan: *Stop at Two: either girl or boy*, kempen kebersihan, kempen antidadah dan lain-lain. Bahasa Melayu digunakan dalam adat istiadat rasmi pemerintah seperti perasmian acara di Parlimen, arahan-arahan dalam Angkatan Bersenjata (SAF), bahkan dalam perkara yang bersifat rasmi, simbolik dan kebangsaan.

Dalam dunia pendidikan, selain sekolah-sekolah rendah Melayu, bahasa Melayu telah juga digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah Melayu yang baru diwujudkan pada tahun yang sama dengan pembukaan Sekolah Menengah Sang Nila Utama. Peranan bahasa Melayu semakin mantap dan luas dengan pembukaan dan pertumbuhan pesat pendidikan aliran Melayu dan pengajaran bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah pemerintah. Pembelajaran bahasa Kebangsaan diwajibkan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan mereka yang berjaya mendapat Standard Dua dan Tiga telah diberi ganjaran kewangan yang berupa `bonus' sebanyak \$500, dan ini merupakan jumlah yang lumayan ketika itu.

Persuratan Melayu juga berkembang dengan begitu luas dan menggalakkan. Terdapat beberapa kedai `pustaka' Melayu yang rancak menerbitkan berbagai-bagai jenis buku bacaan umum. Hasil karya sastera diterbitkan oleh para penulis dan penyair yang digemari ramai seperti Masuri S.N., Muhd. Ariff Ahmad (MAS), Suratman Markasan, di samping penulis-

penulis drama atau sandiwara radio yang mendapat tempat yang popular di kalangan pendengar Melayu. Akhbar *Utusan Melayu*, *Berita Harian*, dan *Berita Minggu* telah menjadi tatapan utama pembaca Melayu. Ringkasnya, peranan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi yang penting di kalangan penduduk Singapura telah dibuktikan pada zaman sebelum tahun 1965, tarikh perpisahan politik berpatah arang dari Malaysia.²

Lembah paling rendah bagi bahasa Melayu telah dilalui selepas pertengahan akhir tahun-tahun 1960-an hingga 1990-an melalui beberapa peristiwa bersejarah. Mercu tanda terpenting ialah penutupan semua sekolah aliran Melayu sama ada di peringkat rendah atau menengah, serta penutupan akhbar *Utusan Melayu* dan kegersangan hasil kesusasteraan Melayu.

Kini bahasa Melayu masih kekal sebagai bahasa untuk tujuan "intra-communication" kaum Melayu dan fungsi simbolik negara (Kamsiah dan Bibi Jan, Januari 1998). Bahasa Melayu telah diajar dalam sistem pelajaran sebagai bahasa kedua atau bahasa ibunda kaum Melayu walaupun tarafnya telah menurun kepada tingkat ketiga selepas bahasa Inggeris dan Mandarin. Dasar dwibahasa yang dimulakan pada tahun 1972 telah meninggalkan kesan-kesan pengekatan bahasa (*language maintenance*), anjakan bahasa (*language shift*) serta pengkayaan budaya kepada semua komuniti di Singapura. Bagi komuniti yang berbahasa Melayu sendiri, situasi terkini memperlihatkan trend pengekatan dan penerusan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dinamik. Walaupun mengalami anjakan fungsi dan anjakan penggunaan bahasa ke arah bahasa Inggeris namun, pengkayaan budaya yang telah mempertemukan unsur-unsur bahasa daripada Barat, Timur dan Islam kepada budaya Melayu yang asal telah ketara.

Masyarakat Melayu Islam Singapura (MIS)

² Kamsiah Abdullah. "Bahasa Melayu di Singapura: Sejarah, Cabaran dan Harapan", kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan MABBIM Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, Mac 2000.

Hampir semua anggota masyarakat Melayu di Singapura terdiri daripada mereka yang beragama Islam namun, di kalangan mereka yang beragama Islam ada juga segelintir yang terdiri daripada kaum-kaum lain seperti India, Arab dan lain-lain. Komuniti bahasa Melayu itu pula terdiri daripada:

- (a) Warga-negara dan penduduk tetap yang berketurunan Melayu atau rumpun Melayu yang terdiri daripada 14% penduduk Singapura yang berjumlah hampir 4 juta orang.
- (b) Warga-negara dan penduduk tetap bukan Melayu yang mengamalkan budaya Melayu dan menggunakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa di rumah, termasuklah orang-orang Cina dan India peranakan.
- (c) Pekerja asing terutamanya pembantu rumah yang berbahasa Melayu atau Indonesia.

Bahasa Melayu Teras Jati Diri Masyarakat Melayu

Bahasa Melayu merupakan tonggak kedua jati diri bangsa Melayu selepas agama Islam (Kamsiah, 1994). Bahasa yang diwarisi sepanjang zaman itu merupakan unsur inti seperti yang dikatakan oleh seorang Melayu, *Bahasa Jiwa Bangsa*. Dalam budaya Melayu yang terbina atas gabungan antara animisme, Hindu dan Islam (Hanapi Dollah, 1997), dalam semua aspek kehidupan, segala institusi sosial - adat istiadat, lembaga, dan pergaulan, bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dan utama. Kini seseorang tidak boleh dikatakan Melayu kalau ia tidak boleh berbahasa Melayu, bahkan ada suara-suara yang melaungkan bahawa seorang Melayu akan 'kurang Melayunya' kalau ia tidak bertutur dalam bahasa tersebut. Mereka daripada kumpulan etnik yang lain akan dianggap "Melayu" jika mereka beragama Islam dan berbahasa Melayu.

Bermula dengan dekad-dekad selepas kemerdekaan, masyarakat Melayu Islam telah beransur-ansur berubah mengikut perubahan yang berlaku di sekelilingnya. Konsep Melayu Moden dan Melayu Baru diketengahkan. Dalam

hal ini, perubahan yang berlaku adalah pada kulitnya, sedangkan nilai-nilai yang menjadi inti jati diri Melayu, walau berbaur dengan budaya majmuk dan terdedah kepada pengaruh-pengaruh asing, masih tetap utuh dan kukuh.

Kemajuan Sosioekonomi Masyarakat Melayu

Sejajar dengan kaum-kaum lain di Singapura, masyarakat MIS telah dapat meraih kemajuan sosioekonomi yang pesat sepanjang tiga dekad setengah setelah kemerdekaan pada tahun 1965. *Singapura: Statistik Tahun 2000* yang sudah terbit digunakan sebagai alasan atau bukti untuk beberapa kenyataan positif tentang kemajuan masyarakat Melayu dari tahun 1990. Ini relevan untuk menjelaskan persoalan mauduk.

Indikator kemajuan sosioekonomi diukur melalui beberapa cara. Antara lain ialah pekerjaan, tahap pendapatan, rumah kediaman, termasuklah barang-barang pengguna yang dimiliki seperti kadar pemilikan televisyen, peti sejuk, kereta dan lain-lain. Lebih ramai orang-orang Melayu yang telah memiliki rumah sendiri, dan ramai juga yang telah 'upgrade' ke rumah-rumah HDB yang lebih besar. Bilangan mereka yang memiliki kereta, penyaman udara, telefon bimbit, komputer peribadi, laser dan pemacu CD telah bertambah. Begitu juga bilangan yang menunaikan ibadat haji dan umrah. Data berkenaan dilampirkan pada penghujung kertas kerja ini. Data tentang tahap literasi dan pendidikan yang dianggap relevan dalam perbincangan ini diperturunkan dalam Jadual 1.

(i) Kadar Literasi atau Celik Huruf

Kini 94% orang Melayu yang celik huruf, berbanding dengan 90% pada tahun 1990.

Jadual 1. Kadar Literasi Masyarakat Penduduk Singapura.

	Jumlah			Melayu		
	1970	199	200	197	199	2000
Kadar Literasi	69	89	93	74	90	94

(ii) Dwibahasa Melayu-Inggeris

Sebagai hasil langsung daripada sistem pendidikan dwibahasa dari prasekolah hingga ke pengajian tinggi, hampir semua orang Melayu terdiri daripada mereka yang sekurang-kurangnya dwibahasa Melayu-Inggeris pada tahap pemahaman. Ini termasuklah pelajar-pelajar madrasah yang juga mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam beberapa mata pelajaran (seperti matematik dan sains).

‘Tidak boleh berbahasa Inggeris’ dan penguasaan bahasa Inggeris yang rendah lebih banyak ditemui di kalangan mereka yang lanjut usia dan di kalangan wanita daripada lelaki lanjut usia. Fenomena ini disebabkan oleh amalan masyarakat Melayu dahulu yang lebih cenderung menghantar anak lelaki ke sekolah Inggeris daripada anak perempuan.

Jadual 2 Kadar Kedwibahasaan di Kalangan Masyarakat Singapura yang Literat.

	Jumlah			Melayu		
	1970	1990	2000	1970	1990	2000
Peratus yang mengetahui dua atau lebih bahasa	20	45	56	35	69	78
Peratus yang literat dalam bahasa Inggeris	47	63	71	43	72	80

Pada hakikatnya kedwibahasaan bukanlah sesuatu yang mantap walaupun dipengaruhi secara kukuh oleh peraturan-peraturan sosial yang ketat (seperti dasar dwibahasa). Untuk ‘mencapai tahap penguasaan dan kefasihan dua kod secara yang tinggi dan bermakna, tidaklah mudah. Ini ditentukan oleh keutamaan mengikut keperluan individu dan masyarakat, fungsi dan status bahasa-bahasa itu dalam sesuatu arus masa.

Keperluan dan dominasi bahasa Inggeris sebagai bahasa tinggi, dan lingua franca antarabangsa telah mempercepat proses 'kemasukannya' di rumah tangga Melayu. Kini peratus rumah-rumah tangga Melayu yang menggunakan bahasa Inggeris telah bertambah. Pada tahun 1980 hanya 1.5% rumah Melayu menggunakan bahasa Inggeris atau sebagai bahasa utama. Pada tahun 1990, peratusan ini telah meningkat ke angka 4.9%; dan kini angka ini telah mencapai melebihi 10%.³

Arus 'kemasukan bahasa Inggeris' yang semakin ketara bukan sahaja di dalam rumah tangga tetapi ke dalam institusi-institusi Melayu dan Islam, termasuklah masjid. Kebanyakan pertubuhan Melayu dan masjid beroperasi dalam bahasa Inggeris sama ada dalam tulisan mahupun lisan. Ini mungkin wajar, tetapi gejala ini telah menjadi budaya dalam kegiatan-kegiatan rasmi dan tidak rasmi seperti dalam mesyuarat, taklimat dan sebagainya. Begitu juga dalam khutbah Jumaat di masjid-masjid, dan dalam pengajaran agama Islam. Pada suatu masa nanti mungkin membaca talkin pun akan dijalankan dalam bahasa Inggeris!

(iii) Kemajuan dalam Pendidikan

Lebih ramai kanak-kanak Melayu telah bersekolah. Pendaftaran murid-murid Melayu dalam lingkungan 7 -16 tahun, iaitu di sekolah rendah dan menengah telah bertambah dari 94% pada tahun 1990 kepada 97% pada tahun 2000. Dalam masa sepuluh tahun, jurang pencapaian pendidikan murid-murid Melayu Singapura dengan purata nasional telah mengecut ke angka 2%. (Jadual 3).

Profil pendidikan MIS telah meningkat. Separuh daripada penduduk yang berumur lebih daripada 15 tahun pada tahun 2000 telah mempunyai pendidikan menengah dan yang lebih tinggi. Sepuluh tahun yang lalu peratusnya hanya lebih kurang satu per tiga. Satu daripada tiga orang murid dalam lingkungan umur 15 - 24 tahun mempunyai pendidikan menengah atas dan yang lebih tinggi berbanding dengan satu bagi setiap 8 orang pada tahun 1990. Di kalangan

³ Data 1980 dan 1990 diperolehi daripada Straits Times, 25 Jun 1996.

penduduk muda yang berumur 25 - 39 tahun, kadar yang mempunyai pendidikan menengah atas dan yang lebih tinggi telah meningkat empat kali ganda.

Jadual 3. Penduduk Melayu yang Berumur 15 Tahun ke Atas yang Mempunyai Pendidikan Menengah Atas dan Lebih Tinggi.

Pendidikan tertinggi	Semua		15 - 24 tahun		25-39 tahun		40-54 tahun		55 tahun ke atas	
	1990	2000	1990	2000	1990	2000	1990	2000	1990	2000
Jumlah	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
Bawah Peringkat	64	50	41	27	55	34	82	58	97	91
Menengah	30	32	47	41	38	40	15	32	2.3	6.9
Menengah Atas	4.9	13	10	22	5.0	18	2.5	8.7	0.6	2.1
Politeknik	0.9	2.9	1.6	8.2	1.1	4.0	0.3	0.9	0.1	0.2
Universiti	0.6	2.0	0.4	1.3	0.9	3.7	0.6	1.0	0.1	0.3

Sumber: Jabatan Statistik Singapura, Tahun 2000.

Gambaran daripada data yang berikut menunjukkan dengan jelas kemajuan pencapaian MIS dalam pendidikan. Lebih ramai murid-murid Melayu dalam setiap `kohort' dan setiap peringkat pendidikan telah mencapai kelulusan yang baik. Pada peringkat sekolah rendah dan juga menengah, peratus murid yang lulus dalam matematik dan sains telah diperbaiki. Pada peringkat politeknik dan universiti, bilangan pelajar Melayu bukan sahaja bertambah dari segi bilangan tetapi juga dalam pelbagai kursus.

Secara perbandingan, kemajuan hidup dan pencapaian yang diraih oleh masyarakat Melayu adalah lebih rendah daripada pencapaian nasional dan kaum-kaum lain kaum di Singapura, tetapi angka-angka ini lebih tinggi daripada pencapaian masyarakat Melayu di negara-negara lain. Misalnya kedudukan pelajar-pelajar Melayu Singapura dalam ujian *Third International Mathematics and Science Study*, antara 38 buah negara TIMS 1999 bagi Menengah 2 atau Grade 8 bagi Matematik adalah yang ke-6 (Seluruh Singapura kedudukannya No. 1, Malaysia kedudukannya ke-16, Indonesia, ke-34). Bagi Sains pula, kedudukan murid Melayu Singapura adalah yang ke-19 (Seluruh Singapura kedudukannya No. 2, Malaysia kedudukannya ke-22, Indonesia, ke-32).

Pencapaian Pelajar dalam Bahasa Melayu

Sekarang marilah kita teliti perkaitan antara kemajuan yang dicapai oleh MIS tentang soal-soal bahasa, khususnya bahasa Melayu dan Inggeris. Data yang akan digunakan ialah data tentang murid-murid yang bersekolah, dan bukan orang dewasa kerana yang akan dibincangkan ialah tentang masa depan, dan peradaban baru yang akan menjelang. Data ini akan dikaitkan pula dengan persoalan: *Apakah kemajuan di atas telah dicapai melalui kemerosotan pencapaian bahasa Melayu mereka?*

Peratus kelulusan dalam bahasa Melayu dalam peperiksaan PSLE (Jadual 4) adalah sangat baik, iaitu pada tahun 1990 dan 1999 telah mencapai 100%. Keputusan yang baik juga dicapai dalam Peperiksaan Peringkat Biasa atau "O" (Jadual 5), iaitu kelulusan dan mata pelajaran bahasa Melayu telah mencapai 99% dan 98%. (Tidak dibuat perbandingan dengan di Malaysia

Jadual 4. Peratus Kelulusan Beberapa Mata Pelajaran di Kalangan Murid-murid Melayu yang Mengambil Peperiksaan Peringkat 'O'.

Mata Pelajaran	1980	1990	1999
Bahasa Inggeris	20	49	61
Bahasa Melayu	94	99	98
Matematik	29	53	61
Sains	33	44	62

Sumber: Kementerian Pendidikan Singapura, *Berita Harian*, 22 Januari 2001.

Jadual 5. Peratus Kelulusan Beberapa Mata Pelajaran di Kalangan Murid-murid Melayu yang Mengambil Peperiksaan 'PLSE'.

Mata Pelajaran	1980	1990	1999
Bahasa Inggeris	74	86	98
Bahasa Melayu	97	100	100
Matematik	28	45	63
Sains	66	78	79

(Angka di atas tidak termasuk murid-murid aliran EM3 1999 dan Kursus Monolingual 1990).

Sumber: Kementerian Pendidikan Singapura, *Berita Harian*, 22 Januari 2001.

kerana sukatan pelajaran bahasa Melayu di sekolah mungkin berbeza)

Yang paling ketara ialah pencapaian dalam bahasa ibunda yang sangat tinggi jika dibandingkan dengan pencapaian dalam mata pelajaran lain seperti Matematik dan Sains yang diajar dalam bahasa Inggeris. Keputusan ini mungkin disebabkan oleh kelemahan dalam bahasa Inggeris yang

pencapaian mereka adalah dalam lingkungan yang sama, iaitu di antara 20 - 33% pada tahun 1980, 44 - 53% pada tahun 1990 dan 60 - 62% pada tahun 1999.

Pada peringkat PSLE, pencapaian dalam bahasa Inggeris pada 1999 telah meningkat sebegitu baik, iaitu mencapai 98%. Sekali lalu kita akan menjangkakan bahawa pencapaian ini sangat tinggi, iaitu hanya dua mata di bawah paras bahasa Melayu, tetapi harus difikirkan bahawa peratusan tersebut tidak mengambil kira kumpulan murid-murid lemah dalam aliran EM3.

Faktor-faktor Pembudayaan dan Sosiobudaya MIS

Sehubungan dengan ini, beberapa faktor atau ciri utama yang menjejaskan atau mempengaruhi proses pembudayaan MIS ke arah satu bentuk peradaban baru telah dikenal pasti. Antara faktor tersebut, termasuklah soal (i) darjah integrasi dengan kaum-kaum lain, (ii) kedwibahasaan pada tahap kelompok dan individu.

: (i) Integrasi

Dalam konteks Singapura mereka merupakan kaum minoriti yang hidup bersama-sama dengan kaum majoriti terbesar, iaitu kaum Cina, dan juga kaum yang keturunan India yang juga sebagai kaum minoriti. Seperti yang disiarkan di akhbar *Berita Minggu* pada 3 Mac 2001, masyarakat Melayu disarankan supaya lebih berintegrasi dengan kaum-kaum lain. Ini hanya boleh dicapai dengan perantaraan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dengan kaum-kaum lain.

(ii) Dwibahasa dan Dwibudaya

Fitouri (1993), apabila mengaitkan profil linguistik perseorangan dengan implikasi budaya, dalam penelitiannya tentang para dwibahasa Perancis-Arab telah menemukan empat jenis individu, iaitu:

1. mereka yang ekabahasa dan ekabudaya;
2. mereka yang ekabudaya dan dwibahasa;
3. mereka yang dwibahasa dan dwibudaya;

4. mereka yang dwibudaya dan ekabahasa.

Bagi keempat-empat jenis di atas, pengalaman dan sentuhan bahasa dan budaya lain itu sedikit sebanyak bersifat memperkaya dan patut digalakkan. Sehubungan dengan ini, Joyce James (2000) menambah satu lagi jenis individu dwibahasa di kalangan orang-orang Singapura, iaitu jenis 5 - mereka yang sama ada ekabahasa atau dwibahasa yang *acculturated* atau 'hilang budaya'. Mereka ini kehilangan arah atau orientasi kerana tidak dapat menangani konflik atau pertemuan dua budaya. Menurut James, bibit-bibit 'hilang budaya' ini dikhuatiri sudah muncul di kalangan orang-orang Cina.

Walaupun 78% orang muda Melayu di Singapura yang literat memahami dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris, tetapi corak dwibahasaan mereka tidak bersifat 'subtractive' bahkan 'additive', iaitu bercorak pertambahan, bertambah satu bahasa lagi dalam 'repertoire' seseorang. Profil linguistik dan budaya masyarakat Melayu mungkin belum sampai ke tahap yang kelima ini, tetapi masalah ini telah menjadi persoalan yang dirisaukan oleh para elit budaya Melayu di Singapura.

Rencana Abdul Ghani Hamid⁴ "Bahasa Inggeris Dikendong, Bahasa Melayu Dijunjung" tepat mengisahkan nilai dan rasa bahasa remaja di Singapura. Cuma yang dikhuatirkan ialah keadaan sebaliknya, iaitu "Bahasa Inggeris Dijunjung, Bahasa Melayu Dikendong".

Peranan Elit Budaya dan Pencinta Bahasa Melayu

Para pencinta bahasa Melayu di bawah beberapa pertubuhan setempat tetap berusaha memberikan sokongan yang padu untuk meningkatkan kegiatan bahasa dan budaya. Usaha yang dirintis oleh Majlis Pusat dan Majlis Bahasa Melayu Singapura seperti menganjurkan Bulan Bahasa, Anugerah Persuratan, seminar-seminar bahasa, antarabangsa dan setempat serta kegiatan-kegiatan

lain, peranan bahasa Melayu kian mendapat tempat yang lebih baik daripada terdahulu. Satu jawatankuasa Elit Budaya Melayu telah pun dibentuk. Tugas jawatankuasa ini adalah untuk memimpin dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan bahasa dan budaya Melayu demi kemantapan dan bersemaraknya budaya Melayu di kalangan masyarakat Singapura.

Pada hemat saya, peranan bahasa Melayu dalam tahun-tahun mendatang nampaknya akan semakin baik dan cerah. Ini ialah hasil daripada penyemakan menyeluruh tentang keperluan bahasa, budaya dan warisan setiap kaum di Singapura. Hasil daripada penyemakan yang dilakukan oleh sebuah Jawatankuasa Penasihat Bahasa Melayu yang ditubuhkan oleh pihak Kementerian Pendidikan, beberapa inisiatif baru tentang pembelajaran bahasa ibunda bahasa Melayu telah dilancarkan. Antaranya termasuklah:

- Program Pilihan atau Elektif Bahasa Melayu (EMAS) untuk sebuah sekolah menengah (Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang) dan sebuah maktab rendah di Maktab Rendah Tampines.
- Program yang terpenting dalam konteks kesarjanaan bahasa Melayu ialah Program Ijazah Kepujian Pendidikan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu yang akan ditawarkan oleh Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang pada bulan Julai ini.
- Saluran TV Melayu khas, iaitu Suria yang Semakin Popular.⁵

Kedudukan Bahasa Melayu dalam Tamadun

Menurut Mustafa Haji Daud (1996), fungsi bahasa dalam tamadun khususnya tamadun Islam yang menjadi tonggak kebudayaan Melayu adalah amat besar,

Jika dilukiskan bahasa diumpamakan sebagai kenderaan manakala penyebaran dakwah Islamiah, pendidikan, ilmu pengetahuan, politik,

⁴ Abdul Ghani Hamid, *Berita Harian*, 22 Februari 2001 yang bertajuk Bahasa Inggeris Dikendong, Bahasa Melayu Dijunjung.

⁵ Lihat Kamsiah Abdullah 2000. Bahasa Melayu di Singapura: Sejarah, Cabaran dan Harapan. Kertas kerja yang dibentangkan di MABBIM, Brunei Darussalam, Mac.

ekonomi, sosial merupakan barangan utama dalam pembinaan tamadun Islam.

Aziz Deraman (2000) dalam memperkatakan sejarah peradaban manusia, beliau menegaskan bahawa,

"hidup matinya sesebuah tamadun itu terikat pada keupayaan " bahasanya".

Kekuatan bahasa Melayu terpancar dalam sejarah kebudayaan Melayu melalui sejarahnya yang panjang. Dalam zaman moden, khususnya 50 tahun ke belakang, bahasa Melayu telah berupaya membina satu peradaban Melayu yang tinggi melalui perancangan yang baik. Keupayaan dan nilai bahasa tercermin dalam kemajuan kebendaan, intelektual dan rohani.

Dalam peradaban baru yang berteraskan teknologi INFOKOM, kedudukan bahasa dalam pembinaan tamadun apa pun adalah semakin penting. Dalam hal ini, keadaan dan kedudukan bahasa Melayu dapat ditinjau misalnya melalui internet. Apabila semua syarikat kecil mengikuti syarikat-syarikat gergasi dalam mendotkomkan syarikat mereka dengan e-niaga yang dianuti oleh sebahagian besar pengguna, maka penggunaan bahasa Melayu dalam Dunia Internet mungkin tidak sepenting dan seluas bahasa yang digunakan dalam bidang perdagangan antarabangsa sekarang. Tambahan lagi jika syarikat-syarikat Melayu yang kecil itu juga tidak menggunakan bahasa Melayu.

Sejauh ini, lelaman Melayu sama ada yang ditubuhkan oleh organisasi atau orang perseorangan memang telah tumbuh dengan pesat. Ruangan `chat' - sembang-semang melalui lelaman peribadi dan lelaman rasmi sudah semakin popular. Trafik internet lelaman *Bahasawan*, milik Majlis Bahasa Melayu Singapura misalnya, telah mencapai lebih daripada 11000 hit sehingga Oktober 2000. Halaman *Pantun* adalah yang paling popular dengan sumbangan 858 rangkap pantun daripada pengguna. Sumbangan dalam ruangan *Sajak* yang diterima berjumlah 80 buah, ruang *Forum* memperoleh 60 sumbangan, *Buku Tamu* memperoleh 24 sumbangan, *Buku berantai* sebanyak 25 sumbangan dan *Rantaian* sebanyak 33 sumbangan.

Harapan kita ialah peluasan dan peningkatan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia yang kelima besar jumlah ,penuturnya tetapi untuk 'berkuasa di alam maya' bererti akan menghadapi persaingan. Ini dimaksudkan persaingan daripada bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin.

(i) Saingan daripada Bahasa Inggeris

Buat masa ini globalisasi telah menempatkan bahasa Inggeris ke tempat yang paling atas kerana kekuasaan teknologi baru ini telah dimulakan menerusi media bahasa tersebut. Bahasa ini digunakan dengan meluas sekali sehinggakan banyak negara dan bangsa yang dahulunya tidak menggunakannya, telah pula mempelajarinya dengan sungguh-sungguh.

(ii) Saingan daripada Bahasa Mandarin

Bahasa Inggeris akan menerima saingan daripada bahasa Mandarin. Ramai yang menjangkakan bahawa negeri China akan bangkit pada kurun yang akan datang dalam situasi yang kukuh. Pada tahun 2007 dijangkakan bahawa pengguna internet Mandarin di negara yang mempunyai penduduk melebihi satu `billion', akan melebihi juga bilangan mereka yang menggunakan bahasa Inggeris.

(iii) Saingan daripada Bahasa Tamil, Arab dan lain-lain

Penggunaan bahasa Arab di internet belum begitu meluas, di kalangan negara-negara Islam mungkin disebabkan oleh kemiskinan dan kadar pemilikan komputer peribadi yang rendah. Perkembangan dan pembangunan teknologi komputer dan kadar pemilikan komputer yang tinggi berada di tangan negara-negara maju. Teknologi maklumat dalam bahasa-bahasa India juga tidak mungkin meninggalkan kesan yang besar, kerana walaupun India sebuah negara yang besar dan mempunyai para usahatekwan teknokrat komputer yang tinggi kemahirannya, namun mereka tidak menggunakan bahasa Urdu atau Tamil tetapi menggunakan bahasa Inggeris dengan meluas.

Carak Peradaban Meik~h Baru

Densiti pengguna media dan internet di kalangan orang Melayu mungkin akan berlipat ganda dengan kemajuan dan kemahiran dan kebijaksanaan yang dicapai dalam berbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi, politik dan sosial. Pergolakan politik, ekonomi dan sosial di Indonesia tidak akan berterusan selama-lamanya kerana negara tersebut akan bangkit semula. Keadaan di Malaysia pula mungkin akan menjadi lebih baik lagi. Begitu juga keadaan komuniti bahasa Melayu di Brunei, di Selatan Thailand dan Filipina.

Menurut konsepsi Muhammad Haji Muhd. Taib (1996), Melayu Baru mempunyai beberapa `trait' atau ciri yang dinamik, iaitu termasuklah:

- *Tending to operate in networks;*
- *Tending to have highly developed sense of racial pride, egotistical, highly ethnocentric;*
- *Having a tendency to travel or to migrate far beyond their homelands;*
- *Having commitment to a creed (eg Shintoism, Protestant, Islam);*
- *Possessing calibre leadership;*
- *Being highly adaptable; creative; motivated;*
- *Having a tradition of exploration - of the natural world, of technology and of cognitive and philosophical fields; Knowing how to manipulate human and physical resources to their advantage.*

Untuk menghasilkan Manusia Melayu Baru, cara yang disarankan beliau sebagai seorang ahli politik ialah *urbanizing the Malays* supaya orang Melayu mengamalkan nilai-nilai dan cara berfikir *orang kota*.

Dalam keadaan demikian, satu persoalan pokok yang mungkin timbul ialah adakah Melayu Singapura yang telah menghuni dan terdedah dengan segala macam persaingan di kota besar ini sejak lebih daripada satu kurun, mempunyai ciri-ciri Manusia Melayu Baru tersebut, iaitu ciri-ciri yang membina satu landasan Peradaban Baru di masa akan datang?

Jawapannya mungkin YA. Berbekalkan pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa, kemajuan material, kemantapan nilai-nilai rohani dan jasmani yang murni - semua nilai yang terangkum dalam penguasaan sekurang-kurangnya dwibahasa dan tribudaya mereka tentu akan sampai di sana. Cuma masa Melayu kini akan sampai di sana tidak diketahui berapa lama lagi.

Persoalan Akhir

Lanjutan daripada persoalan di atas ialah:

Mungkinkah Manusia Melayu Baru di Singapura kini akan menjadi sebagai protaip pembinaan Manusia Melayu Baru sedunia? Atau sekurang-kurangnya di rantau ini?

Dalam *Kamus Dewan, Prototaip* bermaksud model pertama yang dibina bagi menghasilkan sesuatu yang dapat dijadikan asas bagi menghasilkan model yang lebih baik. Dengan model Manusia Melayu Baru di Singapura sebagai prototaip maka, dirasakan akan terlahir satu *Umat Melayu Baru Contoh yang lebih baik* dalam peradaban baru.

Bayangan trend kemajuan dan perkembangan sosiobudaya di rantau ini sudah pun kelihatan, walaupun tidak begitu mantap atau tinggi. Misalnya ciri-ciri literasi, pendidikan tinggi dan penganutan budaya ilmu dan pendidikan sepanjang hayat memang menjadi falsafah dan nilai-nilai Islam yang dikongsi bersama. Mengetahui dan menghayati bahasa dan budaya lain bukan sahaja merupakan toleransi Islam sebagai teras bangsa Melayu, tetapi amat digalakkan. Teknologi global baru telah pun menyediakan satu saluran komunikasi Islam jagatraya sebagai satu tenaga penggerak yang memungkinkan tercapainya keadilan dan kecemerlangan sosial, ekonomi budaya dan politik yang amat diharapkan.

Hanya kemajuan, kecemerlangan dalam serba-serbi yang akan mencorakkan bentuk Peradaban Baru itu tidak bermakna akan tercapai melalui saluran bahasa Melayu, kerana Umat Melayu Baru akan datang bukanlah mereka yang berbahasa tunggal dan menganut hanya satu budaya. Budaya

Melayu dijadikan sebagai teras identiti, pemelukan budaya Barat akan diseimbangkan dengan budaya Islam yang akan kekal mantap dalam segala bentuk dan corak kehidupan.

Rujukan

Aziz Deraman, 2000. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia. Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanapi Dollah, 1997. Ketidakseimbangan dalam Budaya Melayu: Dari Primitif kepada Pasca Modernisme ... dlm. Shafie Abu Bakar, Mohamad Anwar Omar Din, Peradaban Melayu, hlm. 57 - 74.

Kamsiah Abdullah dan Bibi Jan Mohd. Ayyub, 1997. Malay Language Issues and Trends dlm. *Language, Society and Education in Singapore: Issues and Trends. 2nd Edition*, editors S. Gopinathan, Anne Pakir, Ho Wah Kam and Vanithamani Saravanan. Singapore: Times Academic Press, hlm. 179 -190.

Kamsiah Abdullah, 2000. *Sikap, Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*. Singapura: Penerbitan Asas '50.

Kamsiah Abdullah, 2001. Peranan Bahasa dan Komuniti Bahasa Melayu di Singapura dalam Membina Peradaban Baru. Seminar Ke-40 MABBIM, Puteri Pan Pacific Johor Bahru, 12 -16 Mac.

Khairil Anwar, 1995. *Beberapa Aspek Sosiokultural Masalah Bahasa*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Muhamad Haji Muhd. Taib, 1996. *The New Malay*. Petaling Jaya: Visage Communication.

Mustafa Hj. Daud, 1996. *Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suratman Markasan, 1993. Warisan Budaya Melayu dalam Masyarakat Kosmopolitan dalam *Tamadun Melayu Jilid Satu*, diedit oleh Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman al-Ahmadi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 283 - 293.